

## **CIRI PENDIDIK MENURUT IMAM AN-NAWAWI DALAM KITAB RIYADHUS SOLIHIN**

Nur Syuhaidah binti Alimar Shidi  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM [syuhaidah@raudah.usim.edu.my](mailto:syuhaidah@raudah.usim.edu.my)

Nurul Asiah Fasehah binti Muhamad  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM [nurulasiahfasehah@usim.edu.my](mailto:nurulasiahfasehah@usim.edu.my)

### **ABSTRAK**

Pendidik merupakan penggerak utama kepada pelaksanaan dasar Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dalam era dunia tanpa sempadan menyaksikan peranan pendidik yang semakin mencabar. Seringkali dibicarakan bahawa kerosakan akhlak pelajar dikaitkan dengan akhlak dan ilmu pendidik. Hal ini kerana pendidik merupakan wadah utama dalam penyampaian informasi dan pengembangan karakter pelajar. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada ciri pendidik menurut Imam An-Nawawi dalam Kitab Riyadhus Solihin. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian analisis dokumen iaitu membaca dan mengkaji Kitab Riyadhus Solihin melalui kata kunci “mukmin”. Dapatan yang diperoleh daripada hasil analisis dokumen dianalisis secara tematik dengan bantuan perisian ATLAS.ti 9.0. Hasil penelitian mendapati terdapat tiga tema utama untuk ciri pendidik iaitu adab dan akhlak, ilmu pengetahuan dan kemahiran.

**Kata kunci:** konsep pendidik, ciri pendidik, kitab riyadhus solihin

### **1.0 Pendahuluan**

Hadis sebagai sumber hukum Islam kedua berfungsi untuk menjelaskan ayat-ayat Quran. Hadis menjadi rujukan utama selepas Al-Quran, ini termasuklah kitab Riyadhus Solihin karangan Imam An-Nawawi. Kitab Agung ini menghimpunkan hadis-hadis sahih yang merangkumi akidah, ibadah, adab dan akhlak yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad S.A.W. Kitab ini menjadi rujukan dalam pelbagai disiplin ilmu termasuklah mengenai pendidik. Pendidik merupakan aspek terpenting dalam pendidikan sesebuah negara. Pendidik memegang amanah yang sangat berat untuk dilaksanakan kerana pendidik hendaklah berilmu, mempunyai karakter yang baik dan kualifikasi sebagai pendidik. Tugas pendidik tidak hanya menyampaikan ilmu kepada pelajar, bahkan mendidik, membimbing dan memberdayakan mereka menjadi seorang insan dan khalifah yang baik (Noornajihan & Nurul Asiah, 2022). Umum mengetahui bahawa secara asasnya tugas mendidik adalah ibu bapa dan kini beralih kepada pendidik. Hal ini kerana, kebanyakan masa anak-anak dihabiskan di sekolah dan institusi pendidikan berbanding di rumah bersama keluarga.

Pendidik berkualiti mengetahui bahawa pendidikan yang berkesan sangat penting buat generasi akan datang. Haderani (2018) mengatakan bahawa fungsi pendidikan adalah untuk mengembangkan potensi kemanusiaan (memanusiakan manusia) dan meningkatkan adab dan peribadi diri. Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mengkaji dan mendapati bahawa 70 peratus daripada 9,000 guru di seluruh negara mengalami tekanan. Hal ini kerana bebanan tugas pendidik yang berat dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai karenah pelajar dan persekitaran di tempat kerja. (Umami Kalsom, 2014)

Hakikat pendidik yang mempunyai bebanan tugas yang banyak serta perlu memastikan tugasan hakiki di bilik darjah tidak terabai. Oleh kerana itu, pendidik perlu memahami dan mempunyai ciri-ciri pendidik yang baik menurut Islam bagi menjamin kejayaan pendidikan di Malaysia pada masa akan datang. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang ciri-ciri pendidik menerusi Kitab Riyadhus Solihin.

## **2.0 Konsep Pendidik**

Pendidik merupakan penggerak utama kepada pelaksanaan dasar Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Esmali 2017). Menurut Nur Uhbiyati (1998) pendidik adalah orang dewasa yang bertanggungjawab memberi bimbingan atau bantuan kepada pelajar dalam perkembangan jasmani dan rohaninya supaya mampu melaksanakan tugas sebagai makhluk Allah, khalifah di muka bumi, sebagai makhluk sosial dan sebagai individu yang berdikari.

Dalam konteks Islam, pendidik digelar sebagai muallim, murabbi, mursyid, mudarris dan murabbi. Elemen-elemen ini mempunyai makna dan ciri-ciri berbeza walaupun dibawah kata yang sama iaitu pendidik. Bahkan, pendidik juga pada masa yang sama digelar pelajar kerana tiada sesiapa pun di muka bumi ini yang dapat menandingi keilmuan Allah. Hakikat pendidik menurut Islam ialah mendidik pelajar mengenali Allah, rasulnya dan tujuan manusia dijadikan

## **3.0 Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Kaedah analisis dokumen dilakukan menggunakan kata kunci Mukmin dalam kitab Riyadhus Solihin bagi mendapatkan hadis. Hadis terpilih telah disahkan oleh pakar dalam bidang hadis. Dapatan yang diperoleh daripada hasil analisis dokumen dianalisis secara tematik dengan bantuan perisian ATLAS.ti 9.0.


#### **4.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan Ciri-ciri Pendidik Melalui Hadis-Hadis dalam Kitab Riyadhus Solihin**

Terdapat banyak ciri-ciri pendidik yang baik menurut Islam. Hakikatnya, pendidik terbaik ialah Nabi Muhammad S.A.W yang menjadi rujukan buat sekalian umat.

*"Wahai orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah SWT dan Rasul-Nya serta pemegang-pemegang urusan (agama) di antara kamu. Dan jika kamu berbeza pendapat tentang sesuatu perkara maka kembalilah kepada Allah SWT dan Rasul jika kamu benarbenar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Demikian itu lebih baik dan merupakan rujukan yang sebaik-baiknya."*  
(Surah an-Nisa ayat 59)

Oleh itu, ciri-ciri pendidik yang digarapkan dalam hadis terpilih ini berfokuskan kepada 3 tema utama iaitu adab, ilmu pengetahuan dan kemahiran pendidik. Tema adab merupakan asas yang penting dan perlu diambil berat oleh seorang pendidik. Ini adalah selari dengan hadis Rasulullah S.A.W yang menjelaskan bahawa kejayaan pendidik dan sistem pendidikan haruslah dapat melahirkan generasi yang beradab dan berakhlak mulia.

*"Wahai Rasulullah, ajarkanlah kepada ku suatu amalan yang mendekatkan aku dengan syurga dan menjauhkan aku daripada neraka". Rasulullah SAW menjawab, "apabila kamu melakukan dosa, maka kerjakanlah kebaikan, kerana kebaikan itu (pahalanya) sepuluh kali ganda". Abu Zar berkata; Aku bertanya: "Ya Rasulullah adakah Laa ilaaha illahLah termasuk kebaikan?" Rasulullah menjawab, "Ia adalah sebaik-baik kebaikan.*



Gambar 1: *Network Ciri-Ciri Pendidik Menurut Islam*

Sumber: Data primer yang diolah menggunakan *software atlas. ti9*

## I. Adab dan Akhlak

Adab ialah sebuah konsep yang menyeluruh dan mencakupi segenap amalan yang benar (Al-Attas, 1995). Melalui Kitab Hadis Riyadus Solihin, tema adab didapati bertepatan dengan ciri-ciri pendidik menurut Islam. Tema adab dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu adab dengan Allah, pelajar dan diri sendiri.

### 1. Adab bersama Allah

Setiap pekerjaan yang baik merupakan jihad di jalan Allah termasuklah tugas pendidik dalam membangunkan jiwa pelajar. Seseorang pendidik perlu merasakan atau menganggap kerja sebagai guru adalah jihad di jalan Allah. Pendidik yang berakhlak mulia mengorbankan masa, harta demi kebaikan pelajar. Ia selari dengan hadis:

*"Manusia manakah yang lebih utama?" Beliau s.a.w. menjawab: iaitu orang mu'min yang berjihad fi-sabilillah dengan diri dan hartanya"*

iaitu pendidik perlu menerima dan memahami keadaan pelajar kerana segala perkara berlaku adalah dengan ketentuan dan rahmat Allah berdasarkan hadis

*Allah Ta'ala ber-firman: "Berpagi-pagi di antara hamba-hambaKu itu ada yang menjadi orang mu'min dan ada yang menjadi orang kafir. Adapun orang yang berkata: "Kita dikarunia*

*hujan dengan keutamaan Allah serta dengan kerahmatanNya, maka yang sedemikian itulah orang mu'min kepadaKu dan kafir kepada bintang.*

Ciri-ciri pendidik yang beradab ialah perlu merasakan dirinya sebagai hamba dan mengabdikan diri kepada Allah

*Tiada sekali-kali akan kenyanglah seseorang mu'min itu dari kebaikan, sehingga penghabisannya nanti adalah syurga*

## 2. Adab bersama Manusia

Adab bersama manusia juga perlu diberi perhatian kerana Allah sangat menyukai hambanya yang menjaga hubungan sesama manusia di jalan Allah.

Pendidik haruslah bijak ina lingkungan dan mengamalkan syariat. Selain itu, pendidik juga perlu memuliakan guru mereka. Hal ini kerana tanpa adanya seorang guru, maka usaha menyampaikan ilmu sukar dicapai. Hakikatnya, tiada yang dapat menandingi ilmu dan pengetahuan Allah dalam segenap hal.

*"Rasulullah s.a.w. bersembahyang Subuh bersama kita sekalian di Hudaibiyah yaitu di tanah bekas terkena siraman air hujan dari langit yang terjadi pada malam harinya itu. Setelah beliau s.a.w. selesai shalat, lalu menghadap kepada orang banyak, kemudian bersabda: "Adakah engkau semua mengetahui apa yang difirmankan oleh Tuhanmu semua?" Para sahabat menjawab: "Allah dan RasulNya itulah yang lebih mengetahui."*

Tambahan lagi, pendidik perlu mengamalkan apa yang diperintah kepada murid sebagaimana hadis:

*Selanjutnya sesudah mereka ini akan menggantilah beberapa orang pengganti yang suka mengatakan apa yang tidak mereka lakukan, bahkan juga melakukan apa yang mereka tidak diperintahkan.*

Sebagai seorang pendidik, mengamalkan apa yang diperintahkan itu sangat penting kerana dengan perbuatan lebih memberi impak yang besar berbanding percakapan. Hal ini boleh dikaitkan dengan bagaimana seorang bayi kecil belajar melalui perbuatan kedua ibu bapanya. Jika baik, maka baik jugalah akhlak seorang anak.

Menunjukkan tauladan yang baik

*"Tiada seorang nabipun yang diutus oleh Allah sebelumku -Muhammad s.a.w., melainkan ia mempunyai beberapa orang - penolong atau pengikut setia - dari kalangan ummatnya, juga beberapa sahabat,yang mengambil teladan dengan sunnahnya serta mentaati perintahnya."*

Wajib ke atas seorang pendidik untuk menunjukkan sifat dan akhlak yang baik terhadap pelajarannya. Hal ini kerana pendidik merupakan contoh tauladan buat pelajar.

Berakhlak dengan akhlak yang baik

*Maka barangsiapa yang berjuang melawan mereka itu - iaitu para penyeleweng dari ajaran-ajaran nabi yang sebenarnya ini -dengan tangan - atau kekuasaannya, maka ia adalah seorang mu'min*

Pendidik berkualiti menjadikan Rasulullah sebagai contoh tauladan dan sentiasa berusaha berakhlak dengan akhlak yang mulia menjaga aib pelajar

*Barangsiapa yang menutupi cela seseorang Muslim, maka Allah akan menutupi celanya di dunia dan di akhirat*

Tidak membezakan kumpulan pelajar

*Tidak mencintai kaum Anshar itu melainkan orang mu'min dan tidak membenci mereka itu melainkan orang munafiq; barangsiapa yang mencintai mereka, maka ia dicintai oleh Allah dan barangsiapa membenci mereka, maka mereka dibenci oleh Allah*

Menyayangi pelajar

*Tidak mencintai kaum Anshar itu melainkan orang mu'min dan tidak membenci mereka itu melainkan orang munafiq; barangsiapa yang mencintai mereka, maka ia dicintai oleh Allah dan barangsiapa membenci mereka, maka mereka dibenci oleh Allah*

Sifat yang dicintai Allah ialah menyayangi insan lain berkhidmat untuk umat

*Tiada sekali-kali akan kenyanglah seseorang mu'min itu dari kebaikan, sehingga penghabisannya nanti adalah syurga*

Menerapkan sikap saling menyayangi sesama pelajar

*Tidak mencintai kaum Anshar itu melainkan orang mu'min dan tidak membenci mereka itu melainkan orang munafiq; barangsiapa yang mencintai mereka, maka ia dicintai oleh Allah dan barangsiapa membenci mereka, maka mereka dibenci oleh Allah*

Memenuhi keperluan pelajar

*Barangsiapa yang memberikan kemudahan kepada seseorang yang kesukaran, maka Allah akan memberikan kemudahan padanya di dunia dan di akhirat*

### 3. Adab dengan diri Sendiri

Menyendiri untuk perbaiki diri (ukhrawi) *memencilkan dirinya- dalam suatu janaan di gunung - maksudnya suatu tempat di antara dua gunung yang dapat digunakan sebagai kediaman - dari beberapa tempat di gunung, untuk menyembah kepada Allah dan menjauhi keburukan manusia*

Supaya orang tak nampak perkara buruk dalam diri (duniawi yg tidak berdosa) *memencilkan dirinya- dalam suatu jalanan di gunung - maksudnya suatu tempat di antara dua gunung yang dapat digunakan sebagai kediaman - dari beberapa tempat di gunung, untuk menyembah kepada Allah dan menjauhi keburukan manusia*

## **II. Ilmu Pengetahuan**

### **1. Pengetahuan agama**

Berpegang dengan Quran Sunnah dalam mengamalkan agama. Al-Quran dan As-Sunnah merupakan sumber rujukan agama yang benar dan wajib dijadikan panduan sepanjang hayat. *sebaik-baik rujukan adalah Kitabullah Al-Quran dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad s.a.w., sedang seburuk-buruk perkara (agama) ialah hal-hal yang diada-adakan sendiri*

Di dalam hadis yang sama, Rasulullah s.a.w menyeru umatnya supaya meninggalkan perkaraperkara baru dalam agama, sebagaimana mana dalam hadis:

*semua kebid'ahan itu adalah sesat*

Galakkan menimba ilmu agama

*Barangsiapa yang menempuh suatu jalan untuk mencari suatu ilmu pengetahuan, maka Allah akan memudahkan untuknya jalan menuju kesyurga*

## **III. Kemahiran**

### **Komunikasi**

Komunikasi merupakan kaedah terpenting untuk menyalurkan informasi dan maklumat kepada seseorang. Melalui komunikasi berkesan, maklumat dapat diproses seterusnya menatijahkan sebuah tindakan. Seorang pendidik haruslah mempunyai kemahiran berkomunikasi yang berkesan serta mempunyai semangat yang tinggi dalam mendidik pelajar. Tambahan pula, sikap bersungguh-sungguh untuk menarik perhatian pelajar penting agar maklumat mudah disalurkan. Hal ini diumpamakan berdasarkan hadis Nabi S.A.W., maksudnya:

*Rasulullah s.a.w. itu apabila berkhotbah maka merah padamlah kedua matanya, keras suaranya, sangat marahnya, sehingga seolah-olah beliau itu seorang komandan tentara*

Mentadbir

Guru menggalakkan/ mewujudkan suasana saling membantu tolong menolong antara pelajar *Allah itu selalu memberikan pertolongan kepada hambaNya, selama hamba itu suka memberikan pertolongan kepada saudaranya*

Boleh menguasai kelas dan memimpin *penolong atau pengikut setia - dari kalangan ummatnya, juga beberapa sahabat, yang mengambil teladan dengan sunnahnya serta mentaati perintahnya.*

#### Gaya dan Strategi Pengajaran

Menggalakkan belajar secara berkumpulan

*Tiadalah sesuatu kaumitu berkumpul dalam sebuah rumah dari rumah-rumah Allah, untuk membacakan kitab Allah - al-Quran - juga mentadarusnya antara mereka itu – membaca secara bergantian, melainkan turunlah kepada mereka ketenangan hati, ditutupi oleh kerahmatan Tuhan, juga diliputi oleh para malaikat dan Allah menyebutkan mereka itu di kalangan makhluk yang ada di sisinya.*

Memberikan objektif yang jelas

*Saya diutus sedang jarak terutusku dengan tibanya hari kiamat itu bagaikan dua jari ini*

Mengeluarkan pelajar daripada kesukaran/keciciran

*Barangsiapa yang melapangkan suatu kesusahan dari beberapa kesusahan seseorang Mu'min di dunia, maka Allah akan melapangkan untuknya suatu kesusahan dari berbagai kesusahannya pada hari kiamat*

### **5.0 Penutup**

Dapatan utama kajian ini menunjukkan bahawa terdapat tiga ciri utama pendidik yang dapat dikeluarkan daripada kata kunci mukmin menerusi hadis-hadis dalam Riyadhus solihin. Tiga tema tersebut adalah adab dan akhlak, ilmu pengetahuan dan kemahiran. Dapatan kajian ini dilihat dapat memberikan implikasi kepada pendidik di segenap peringkat iaitu peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi.

### **6.0 Penghargaan**

Artikel ini ingin menyampaikan sekalung penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) FRGS/1/2021/SSI0/USIM/02/3 dengan tajuk “Model Emansipasi Pendidik berdasarkan Hadis Nabawi ke arah Pemeraksanaan Program Pendidikan Inklusif dan Pembentukan OKU Rabbani



## 7.0 Rujukan

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1996. Konsep Pendidikan dalam Islam: Suatu Rangka-Pikir  
Pembinaan Filsafat Pendidikan Islam. Diterjemahkan oleh Haidar Bagir. Bandung: Mizan.
- Al-Attas, Muhammad Syed Naquib. (1995). Risalah untuk Kaum Musliman. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Haderani (2018) Fungsi kehidupan dalam hidup manusia  
Imam An-Nawawi, Kitab Hadis Riyadhus Solihin
- Noornajihan Jaafar & Nurul Asiah Fasehah. 2022. Peranan Qalb Dalam Pembentukan Pendidik Berjiwa Muaddib, Murabbi Dan Mu'allim. Universiti Kebangsaan Malaysia Nur Uhbiyati, Ilmu Pendidikan Islam I, (Bandung: Pustaka Setia, 1998)
- Suhaimi Bin Kamarudin, & Muhamad Suhaimi Taat. (2020). Faktor Tingkah Laku Pelajar, Kekangan Masa, Beban Tugas Dan Tekanan Kerja Dalam Kalangan Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(9), 114–124. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i9.481>